

KHUTBAH JUMAAT

“ANAK ISTIMEWA: AMANAH YANG MEMBAWA KEBERKATAN”

(24 Oktober 2025M/ 3 Jamadilawal 1447H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيِّ الْحَمِيدِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ
لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama memperkukuh dan mempertingkatkan keimanan dan ketakwaan kita kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita memperoleh kejayaan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Sebelum bicara diteruskan, khatib ingin mengingatkan diri ini dan seluruh para jemaah, jauhilah perkara-perkara yang sia-sia semasa khutbah disampaikan, elakkan bercakap-cakap dengan sengaja dan leka dengan telefon bimbit. Dengarlah khutbah dengan penuh tumpuan kerana setiap nasihat yang diberikan adalah untuk manfaat kita bersama. Pada hari ini khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk **“Anak Istimewa: Amanah Yang Membawa Keberkatan”**

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Setiap insan pasti merasa bahagia dengan kehadiran anak dalam kehidupan. Namun, ada antara kita yang dikurniakan anak berkeperluan khas atau anak istimewa. Mereka bukan beban, tetapi anugerah yang membawa rahmat, ujian yang mendidik sabar, dan peluang pahala yang luas. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Hajj, ayat 5:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِن كُنتُمْ فِي رَيْبٍ مِّنَ الْبَعْثِ فَإِنَّا خَلَقْنَاكُم مِّن تُّرَابٍ ثُمَّ مِّن نُّطْفَةٍ ثُمَّ مِّن عِلْقَةٍ ثُمَّ مِّن مُّضْغَةٍ مُّخَلَّقَةٍ وَغَيْرِ مُّخَلَّقَةٍ لِّنُبَيِّنَ لَّكُمْ ۚ ...

Maksudnya: *Wahai umat manusia, sekiranya kamu menaruh syak (ragu-ragu) tentang kebangkitan makhluk (hidup semula pada hari kiamat), maka (perhatilah kepada tingkatan kejadian manusia) kerana sebenarnya Kami telah menciptakan kamu dari tanah, kemudian dari setitik air benih, kemudian dari sebuku darah beku, kemudian dari seketul daging yang disempurnakan kejadiannya dan yang tidak disempurnakan; (Kami jadikan secara yang demikian) kerana Kami hendak menerangkan kepada kamu (kekuasaan Kami);...*

Setiap manusia, sama ada sempurna atau tidak, adalah ciptaan Allah *subhanahu wata'ala* yang mulia. Tiada siapa diciptakan sia-sia. Mereka adalah tanda kasih sayang dan kebijaksanaan Allah *subhanahu wata'ala* dalam mencipta makhluk dengan pelbagai keistimewaan.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Anak istimewa memerlukan kasih sayang, perhatian dan ruang untuk berkembang. Data menunjukkan lebih 140 ribu murid berkeperluan khas telah didaftarkan di sekolah di bawah Kementerian Pendidikan. Namun, masih ramai yang memerlukan sokongan masyarakat.

Ibu bapa kepada anak istimewa memikul amanah besar. Kesabaran mereka mendidik anak-anak ini adalah **sedekah berterusan dan jalan menuju syurga**. Sabda Nabi *sallallahu alaihi wasallam*:

((إِنَّ عِظَمَ الْجَزَاءِ مَعَ عِظَمِ الْبَلَاءِ وَإِنَّ اللَّهَ إِذَا أَحَبَّ قَوْمًا ابْتَلَاهُمْ فَمَنْ رَضِيَ فَلَهُ الرِّضَا وَمَنْ سَخِطَ فَلَهُ السَّخَطُ))

Maksudnya: *Sesungguhnya besarnya ganjaran sesuatu amalan adalah sesuai dengan besarnya ujian. Dan sesungguhnya, apabila Allah kasih kepada satu golongan, maka Dia menguji mereka. Maka sesiapa yang reda dengan ujian itu maka baginya keredaan Allah, dan sesiapa yang sebaliknya akan mendapat kemurkaan Allah.*

(Hadith riwayat Imam at-Tirmizi)

Maka ujian ini bukan tanda kemurkaan, tetapi bukti kasih Allah kepada hamba-hamba yang terpilih.

Sesungguhnya, Allah *subhanahu wata'ala* menciptakan setiap manusia dengan keunikan dan keistimewaan tersendiri. Tiada satu pun ciptaan-Nya yang sia-sia. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Tin, ayat 4:

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ (٤)

Maksudnya: *Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya (dan berkelengkapan sesuai dengan keadaannya).*

Ayat ini mengingatkan kita bahawa setiap insan, sama ada sempurna tubuh badan ataupun diuji dengan kekurangan, semuanya adalah ciptaan Allah *subhanahu wata'ala* yang indah dan sempurna dalam ketentuan-Nya. Mereka bukan beban dunia, tetapi tanda kebesaran Allah *subhanahu wata'ala* dan ujian kepada keikhlasan kita sebagai hamba-Nya.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Kita mesti sedar bahawa anak-anak istimewa bukanlah insan yang harus disisihkan. Mereka juga memiliki potensi, kelebihan dan bakat yang wajar digilap dengan penuh kasih sayang. Oleh itu, pengesanan awal terhadap perkembangan anak-anak ini amat penting agar keupayaan mereka dapat dikenal pasti, dibimbing dan dikembangkan melalui pendidikan yang bersesuaian.

Setiap anak mempunyai keupayaan yang berbeza. Ada yang cepat menguasai ilmu, ada yang perlahan memahami, dan ada yang memerlukan cara yang khusus untuk belajar. Ibu bapa perlu sabar, tekun dan sentiasa belajar memahami keperluan anak-anak mereka. Sesungguhnya, sabar seorang ibu dan ayah dalam mendidik anak istimewa adalah sedekah yang berpanjangan dan pahala yang tidak

terhitung nilainya di sisi Allah *subhanahu wata'ala*.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Masyarakat juga perlu memikul tanggungjawab bersama. Kita mesti menjadi umat yang prihatin, bukan menghukum; menyokong, bukan menjauh. Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((مَنْ لَمْ يَرْحَمْ النَّاسَ لَا يَرْحَمْهُ اللَّهُ))

Maksudnya: *Sesiapa yang tidak mengasihi manusia, maka Allah tidak akan mengasihinya.*”

(Hadith riwayat Imam at Tirmizi)

Sokongan moral daripada jiran, sahabat dan masyarakat akan memberi kekuatan kepada keluarga yang diuji. Jangan biarkan mereka berjuang sendirian. Bantulah mereka dengan kata-kata yang baik, dengan peluang pekerjaan yang adil, dengan pendidikan yang sesuai, dan dengan kasih sayang.

Islam sangat menekankan penjagaan anak-anak, bukan sekadar dari sudut jasmani, tetapi juga akal, emosi dan rohani. Anak-anak adalah amanah Allah *subhanahu wata'ala* yang mesti dipelihara dengan penuh kasih dan tanggungjawab. Justeru, ibu bapa hendaklah peka terhadap tanda-tanda awal perkembangan anak, agar sebarang kelewatan dapat dikenal pasti dan ditangani sebaiknya.

Sebagai langkah pengesanan awal, perhatikanlah beberapa aspek penting berikut:

Pertama: Pantau tumbesaran fizikal anak sejak bayi lagi. Perhatikan kemampuan meniarap, duduk, merangkak dan berjalan mengikut umur yang sepatutnya. Jika anak sukar menggenggam barang atau menggunakan tangan secara tidak seimbang, jangan pandang ringan kerana itu tanda yang memerlukan perhatian.

Kedua: Nilailah keupayaan pertuturan anak sekitar usia satu hingga dua tahun. Anak yang sihat biasanya boleh menyebut perkataan mudah, memanggil nama ibu atau ayah, serta memahami arahan ringkas.

Ketiga: Perhati kemahiran sosial anak iaitu adakah dia memberi maklum balas ketika disapa, mahu bermain bersama rakan sebaya, atau boleh berkongsi mainan. Ini petanda penting bagi perkembangan emosi dan sosial.

Keempat: Teliti tahap perkembangan berfikir, seperti daya ingatan terhadap pengalaman dan kemampuan memahami perbezaan antara dua perkara.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Anak-anak istimewa adalah rahmat yang menyucikan hati. Mereka mengajar kita tentang sabar, redha dan kasih sejati. Jangan merasa rendah diri dengan ketentuan Allah *subhanahu wata'ala*. Maka ibu bapa yang diuji dengan anak istimewa, bersabarlah. Allah *subhanahu wata'ala* sedang meninggikan darjatmu dan menyiapkan bagimu ganjaran yang agung di akhirat.

Mengakhiri khutbah pada hari yang mulia ini, beberapa pengajaran yang boleh diambil daripada khutbah ini iaitu:

1. **Anak adalah amanah Allah** yang wajib disyukuri dan dihargai, walau apa jua keadaan mereka.
2. **Ibu bapa hendaklah sabar dan peka** terhadap perkembangan anak-anak, serta bertindak segera jika perlu.
3. **Masyarakat mesti bersikap prihatin dan menyokong**, agar tiada anak istimewa yang terpinggir.

Akhirnya, marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* di dalam Surah al-Anfal, ayat 28:

اعُوذُ بِاللّٰهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ.
وَأَعْلَمُوا أَنَّمَا أَمْوَالُكُمْ وَأَوْلَادُكُمْ فِتْنَةٌ وَأَنَّ اللَّهَ عِنْدَهُ أَجْرٌ عَظِيمٌ (٢٨)

Maksudnya: *Dan ketahuilah bahawa harta benda kamu dan anak-anak kamu itu hanyalah menjadi ujian, dan sesungguhnya di sisi Allah jualah pahala yang besar.*

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ
الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum Muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita tetap istiqamah mengimarahkan masjid dan surau dengan solat fardu berjemaah dan majlis-majlis ilmu. Bimbinglah ahli keluarga kita agar tetap menjaga solat lima waktu.

Perkukuhkanlah perpaduan dengan sikap saling menghormati dan bekerjasama sesama masyarakat. Inilah asas kestabilan, kemakmuran dan keharmonian Sarawak dan negara kita, Malaysia. Pastikan juga rezeki yang kita peroleh adalah halal lagi baik, kerana makanan yang halal adalah sumber keberkatan hidup. Daripada Abu Hurairah *radiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* telah bersabda:

((أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّ اللَّهَ طَيِّبٌ لَا يَقْبَلُ إِلَّا طَيِّبًا ...))

Maksudnya: *Wahai manusia! Sesungguhnya Allah itu Maha Baik, dan Dia tidak menerima melainkan yang baik.*

(Hadis riwayat Imam Muslim)

Hidup beragama bukan hanya pada ibadah, tetapi juga dengan menjauhi perkara yang merosakkan. Justeru, hendaklah kita menjauhkan diri dan keluarga daripada gejala penyalahgunaan dadah, perjudian dan segala bentuk maksiat. Semua ini hanya membawa kepada kehancuran hidup dan meruntuhkan masa depan umat.

Pada hari yang mulia ini juga, perbanyakkanlah selawat ke atas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* seperti yang diperintahkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهْدِيِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim, bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di bumi Palestin. Kurniakanlah mereka perlindungan, keamanan, dan kemenangan. Angkatlah segala penderitaan, kesedihan, peperangan dan permusuhan daripada mereka dengan rahmat-Mu, wahai Tuhan Yang Maha Pengasih.

Ya Allah, Ya Ghaffaar, ampunilah segala dosa-dosa kami, ibu bapa kami, keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kepada kami kesejahteraan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Hadi, Ya Hakim, berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, Ya Hafiz, Jadikanlah kami umat yang berintegriti, bersatu-padu, dan umat yang terbilang dalam semua bidang yang kami ceburi demi mendukung negara yang maju dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali wal Ikram, kekalkanlah perpaduan kami atas pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah nikmat keselamatan, kesihatan, dan ketenangan, serta lindungilah kami daripada segala musibah, wabak dan bala yang tidak diingini.

رَبَّنَا أُنِثْنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُم لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ. وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.